

Keresahan Murid Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam: Aplikasi Model Pengukuran Rasch

Khairulhelmi Katip^{1*}, Mohd. Rustam Rameli², Sulaiman Shakib Mohd. Noor¹, Ahmad Marzuki Muhamad¹

¹Faculty Islamic Civilisation, University Technology Malaysia, Skudai, Johor,

²Faculty of Education, University Technology Malaysia, Skudai, Johor,

*Corresponding Author: kyhelmi79@yahoo.com

Article history

Received: 2016-12-12

Received in revised form: 2017-02-27

Accepted: 2017-03-21

Abstract

Anxiety or restlessness is an affective psychological variable that could affect the life of students significantly. In Malaysia, anxiety is one of the factors influencing subject performance especially among primary school students. Thus, a study of anxiety in Islamic Studies should be conducted to identify the problem. Also lack of previous study investigate the indicators of Islamic education subject anxiety specifically. Thus, this study aims to identify students' experience anxiety level for Islamic Education subject and to build a hierarchy of students' experience anxiety based on the Parkinsons' Four Factor Theory. A total of 83 primary school students were selected by using simple random sampling to become the respondents in this study. The respondents were asked to complete Anxiety Scale which measure students' appraisal, arousal, action tendencies and also face expression throughout the process and situations in learning Islamic education. All the collected data were analysed by using measure rank analysis by applying Rasch Measurement Model to identify the rank of the four indicators of Islamic education anxiety. Results show that students experience relatively moderate level of anxiety in learning Islamic education. Besides, within the four indicators of Islamic education anxiety, appraisal towards external stimulus rank the highest while action tendencies rank the lowest. The results of this study have great implications for Islamic Education Teacher in identifying and improving communication with students experiencing anxiety in learning Islamic education at class.

Keywords: Anxiety, appraisal, arousal, face expression, action tendencies.

Abstrak

Keresahan atau kegelisahan merupakan antara faktor yang boleh memberi kesan yang signifikan kepada kehidupan murid. Di Malaysia, keresahan dalam mata pelajaran antara faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian murid dalam sesebuah mata pelajaran di sekolah rendah. Justeru, satu kajian terhadap keresahan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam perlu dijalankan bagi menangani masalah ini. Kajian menggunakan indikator keresahan secara spesifik dalam mata pelajaran pendidikan Islam kurang dijalankan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap keresahan yang dialami murid dalam mata pelajaran pendidikan Islam dan membina hierarki pengalaman keresahan murid berdasarkan Teori Emosi Empat Faktor Parkinson. Seramai 83 orang murid sekolah rendah telah dipilih dalam kajian ini berdasarkan sampel rawak mudah. Responden dikehendaki melengkapkan instrumen keresahan bagi mata pelajaran pendidikan Islam yang mengukur indikator berdasarkan aspek penilaian terhadap rangsangan luar, rangsangan dalam, ekspresi muka dan kecenderungan tindakan. Data dianalisis dengan menggunakan Model Pengukuran Rasch untuk mengenal pasti kedudukan empat indikator ukuran pengalaman keresahan pendidikan Islam tersebut. Keputusan menunjukkan murid bahawa murid di sekolah rendah mempunyai tahap pengalaman keresahan yang sederhana. Berdasarkan empat indikator pula, penilaian terhadap rangsangan luar berada dalam kedudukan tertinggi, dan kecenderungan tindakan berada dalam kedudukan terendah. Keputusan kajian ini boleh dijadikan panduan terbaik kepada GPI dalam mengenalpasti dan memperbaiki komunikasi dengan murid yang mempunyai keresahan semasa pembelajaran pendidikan Islam di dalam kelas dijalankan.

Kata kunci: Keresahan, penilaian terhadap rangsangan luar, rangsangan dalam, ekspresi muka, kecenderungan tindakan.

1.0 PENDAHULUAN

Keresahan merupakan keadaan perasaan dan emosi yang sering dihadapi oleh manusia dalam kehidupan seharian. Dalam istilah bahasa Inggeris, keresahan disebut sebagai *anxiety* yang juga membawa maksud kegelisahan, manakala dalam bahasa arab pula, ia disebut sebagai *al-qalaq*, *hasr* atau *jaz'u* ('Iswa, 1970; Mubayyad, 1995; Farj Abd al-Qadir Taha, 1993) dan *halu'a* (Ibrahim Mustafa et al, 1972; Wehr, 1980; Ruhi al-Baalbaki, 1997). Namun demikian, perkataan *halu'a* lebih tepat dalam menggambarkan keresahan (Che Zarrina, 2001) dan digunakan dalam al-Quran.

Firman Allah S.W.T:

“Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah. Apabila ia ditimpa kesusahan, ia sangat resah gelisah dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut, kecuali orang-orang yang mengerjakan solat”
(Surah al-Ma'arij, 70: 19-22)

Keresahan merupakan gambaran perasaan kerohanian (Che Zarrina, 2001) dan struktur emosi manusia (Spielberger, 1972) terhadap perkara yang dijangkakan berlaku pada masa akan datang serta hasil rangsangan yang tidak diketahui puncanya (Mohd. Daud, 1990). Tindak balas keresahan ini juga mengakibatkan manusia takut dan tertekan (Farj Abd al-Qadir Taha, 1993; Tawfiq, 1998). Pendapat ini disokong oleh Bandura (1997) yang mengatakan bahawa keresahan akan hadir dalam diri seseorang apabila mereka terlalu memikirkan secara berlebihan terhadap kemudaratan yang dijangkakan berlaku.

Namun begitu, keresahan yang dapat dikawal boleh membantu keupayaan individu menghadapinya secara normal (Kadiem & Hamzah, 2004). Dengan bantuan guru, murid-murid dapat mengenal pasti keresahan yang dihadapi oleh mereka dengan melaksanakan langkah-langkah intervensi bagi mengelakkan situasi yang lebih buruk. Antara situasi yang menyebabkan keresahan murid ialah sewaktu sesi pembelajaran dan pengajaran, musim peperiksaan, menyiapkan kerja sekolah, berjumpa dengan guru dan rakan taulan, serta situasi lain yang seumpama dengannya.

Justeru, dalam konteks kajian ini pengkaji akan menggunakan istilah keresahan yang merupakan faktor afektif dalam menggambarkan perasaan dan emosi yang tidak menyenangkan dan memberi kesan kepada psikologi serta kelakuan pelajar semasa pembelajaran pendidikan Islam.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan setiap murid yang beragama Islam wajib mempelajari pendidikan Islam (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1991) serta perlu menguasai aspek al-Quran, fardhu ain dan jawi. Silibus-silibus yang digubal dalam mata pelajaran Pendidikan Islam menjurus kepada penguasaan kemahiran-kemahiran tersebut. Kemahiran ini diajarkan di dalam kelas, baik secara berkumpulan mahupun secara intensif (bersemuka) seperti kem, *tasmik* dan sebagainya. Bagi menilai penguasaan murid, guru perlu merancang, membina, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor hasil pembelajaran setiap murid. Penilaian adalah berdasarkan format pentaksiran formatif dan sumatif yang merupakan elemen utama dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) (Lembaga Peperiksaan, 2012).

Walaupun KPM mengharapkan penguasaan bagi setiap kemahiran tersebut, namun aspek situasi kejiwaan (*al-halah al-nafsaniyyah*) murid perlu diberi perhatian (Yosep Aspat Alamsyah et al, 2015; Kamarul Azmi Jasmi & Noor Fadhlina Nawawi, 2012). Justeru, murid yang mengalami situasi jiwa yang tidak terkawal akan berada dalam keadaan lemah dan keluh kesah. Ketika di dalam kelas, simptom ini akan menyebabkan murid yang mengalaminya hilang motivasi dan tumpuan. Aspek luar daripada pembelajaran lebih menarik perhatian untuk ditumpukan dan difikirkan. Hasilnya, pelbagai kemahiran yang cuba diajar tidak akan dapat dihayati dengan sepenuhnya lebih-lebih lagi dalam mata pelajaran pendidikan Islam kerana murid perlu memahaminya supaya dapat menghayati serta

mengamalkan secara berterusan di luar bilik darjah dengan pengawasan minimum daripada guru dan ibu bapa.

Isu tingkah laku zahir (*af'al al-zahirah*) murid merupakan antara isu yang sentiasa menjadi perhatian dan tumpuan. Sekolah dan guru dilihat memainkan peranan paling penting dalam membentuk perwatakan mulia dan mithali murid-murid kerana sekolah merupakan tempat menerima pendidikan secara formal dan sistematik (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2011). Namun, beberapa situasi seperti kes buli dan pergaduhan dalam kalangan murid yang berlaku di sekolah yang melibatkan mereka dirakam dan disebarikan melalui media-media sosial memberi kesan kepada psikologi dan emosi mereka. Kesannya amat negatif terhadap sekolah terbabit apabila pelbagai spekulasi dibuat tanpa sebarang usul periksa dan penjelasan daripada pihak yang terlibat yang mana ia mengundang pelbagai anggapan dan tohmahan daripada orang ramai yang meragui keberkesanan sistem pendidikan Malaysia dan peranan pihak sekolah dalam mendokong visi dan misi pendidikan. Punca berlakunya situasi ini adalah disebabkan rasa kepincangan dalam struktur emosi murid dalam membezakan kebaikan dan keburukan yang perlu dilakukan demi jati diri murid yang berkualiti.

Pendekatan dan strategi pengajaran pendidikan Islam yang lemah telah menimbulkan keresahan murid semasa sesi pembelajaran di dalam kelas dijalankan. Guru hanya menyampaikan ilmu semasa sesi pembelajaran dan pengajaran, manakala murid bertindak sebagai penerima ilmu semata-mata (Ab Halim Tamuri et al, 2012). Guru juga didapati gagal memberi perhatian dalam membina hubungan yang baik dengan murid (Mohd Khairuddin Abdullah et al, 2014) ditambah pula dengan ekspresi muka dan sejarah tingkah laku guru yang serius dan garang. Murid menghadapi perasaan takut untuk mengajukan soalan walaupun diberi peluang. Murid pasif dan tiada interaksi dua hala yang berkesan yang mana ia merupakan aspek utama dalam pembelajaran abad ke-21 (Mahbi & Esa, 2014). Murid terpaksa berusaha memahami sendiri dan boleh menimbulkan perasaan buntu dalam pembelajaran mereka.

Beberapa kajian menunjukkan bahawa situasi keresahan tersebut akan mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar (Shuhaimi Jaafar et al, 2014). Pendapat ini selari dengan Pintrich dan Schunk (1996) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan negatif yang konsisten antara perasaan resah yang dialami dengan pencapaian akademik pelajar. Secara umumnya, keresahan pada tahap tinggi akan mengganggu proses pembelajaran, manakala keresahan pada tahap sederhana pula akan membantu pembelajaran. Keresahan pada tahap tinggi dalam pendidikan Islam akan meningkatkan tahap kekeliruan dan kesukaran dalam memahami dan menghayati pembelajaran Pendidikan Islam sebagai elemen spiritual dalam kehidupan seharian. Sementara itu, murid yang mengalami keresahan pada tahap yang sederhana akan menerima rangsangan secara positif serta mencari penyelesaiannya. Ketika menduduki peperiksaan Pendidikan Islam, murid akan berasa bimbang dengan kegagalan dan khuatir tidak dapat menjawab dengan baik. Hasil daripada keresahan tersebut, mereka akan berusaha bersungguh-sungguh membaca, menghafaz, menghayati ilmu dan mempraktikkan kemahiran yang dipelajari supaya lulus dalam peperiksaan tersebut. Seseorang itu akan menghadapi sesuatu perkara tanpa kesungguhan dan bersikap sambil lewa sahaja sekiranya tiada keresahan dalam diri mereka.


Oleh yang demikian, kajian keresahan murid perlu diberi perhatian serius dan berterusan dalam membantu guru pendidikan Islam menjadi pendidik yang peka kepada tingkah laku murid serta memberi kesan yang maksimum dalam aspek penghayatan murid.

2.1 Kerangka Teori

Teori Emosi Empat Faktor Parkinson ialah teori yang mengenal pasti elemen pengalaman yang dilalui sebagai indikator yang signifikan dalam mengenal pasti keresahan. Bagi menerangkan pengalaman murid dalam pembelajaran Pendidikan Islam, maka teori ini digunakan. Parkinson (1995) percaya bahawa seseorang individu akan menunjukkan tindak balas terhadap sesuatu perkara berasaskan emosi yang sedang dialaminya. Berdasarkan dapatan daripada kajian lepas, teori ini mendapati bahawa terdapat empat indikator yang signifikan yang boleh dijadikan hipotesis serta diambil perhatian dalam kajian ini.

Penilaian terhadap sesuatu situasi atau menerima rangsangan luar merupakan indikator paling signifikan dalam Teori Emosi Empat Faktor Parkinson. Selain itu, terdapat tiga indikator lain yang boleh memberi emosi negatif atau positif. Indikator kedua ialah rangsangan luar. Menurut Deckes (2001) rangsangan luar terbahagi kepada rangsangan psikologi, rangsangan kognitif dan rangsangan fisiologi. Namun demikian, dalam kajian ini, rangsangan fisiologi lebih berkaitan serta memberi tindak balas kepada perubahan fizikal manusia. Sistem saraf secara automatik akan menerima terlebih dahulu sebelum dialirkan kepada emosi manusia. Selain itu, ekspresi muka juga merupakan indikator yang mudah dalam mengenal pasti jenis emosi yang sedang dialami (Laird, 1974). Indikator terakhir dalam teori Parkinson ialah kecenderungan tindakan yang boleh dikaitkan dalam perlakuan manusia. Manusia bertindak atau berkelakuan disebabkan emosi yang sedang dihadapinya. Teori ini juga sejajar dengan teori rangsangan (Connon, 1922) yang menerangkan bahawa pengalaman emosi akan menggerakkan perhatian dan kawalan kepada sesuatu tindakan. Dengan kata lain, manusia akan bertindak atas emosi yang sedang dialaminya.

Jadual 1 Hubungan antara indikator pengalaman emosi



Adaptasi daripada Parkinson dan Colman, 1995

2.2 Objektif Kajian

Berdasarkan kepentingan pembelajaran pendidikan Islam dan kaitannya dengan emosi dalam pembelajaran seperti yang telah dinyatakan, maka kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti keresahan dalam kalangan murid bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenal pasti tahap keresahan dalam pembelajaran Pendidikan Islam.
2. Untuk mengenal pasti hierarki dalam elemen keresahan pendidikan Islam berdasarkan Teori Emosi Empat Faktor Parkinson.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah tinjauan hirisan rentas (*cross-sectional survey*) untuk meninjau tahap keresahan murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Sampel kajian terdiri daripada 83 orang murid Tahun Enam (murid lelaki = 45 orang, murid perempuan = 38

orang) dari tiga buah sekolah kebangsaan harian yang dipilih secara rawak daripada senarai sekolah kebangsaan di daerah Kulai. Sebuah kelas Tahun Enam bagi setiap sekolah telah dipilih secara rawak berdasarkan tiga kategori kebolehan iaitu kebolehan tinggi, sederhana dan rendah Tahun Enam mengikut persetujuan guru besar bagi setiap sekolah yang terlibat. Sampel kajian dipilih daripada pelbagai kebolehan untuk mendapat sampel yang lebih heterogen supaya lebih banyak maklumat pengukuran boleh diperolehi. Instrumen yang digunakan telah diadaptasi daripada Skala Keresahan Matematik (Mohd. Rustam Mohd Rameli, 2012) yang dibina berdasarkan Teori Emosi Empat Faktor Parkinson. Bagi menyesuaikan dengan konteks kajian, item pada soal selidik diubah kepada doamin spesifik bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu penilaian terhadap rangsangan luar (8 item), rangsangan dalam (5 item), ekspresi muka (4 item) dan kecenderungan tindakan (7 item). Murid dikehendaki memilih jawapan yang dipersetujui berdasarkan lima pilihan jawapan (1: Sangat Tidak Setuju hingga 5: Sangat Setuju). Kajian rintis telah dijalankan dan dianalisis dengan menggunakan Model Pengukuran Rasch (rujuk Jadual 1).

Jadual 1 Analisis Kebolehpercayaan Instrumen

Bil	Aspek	Logit	Kesan
1	Alpha Cronbach	0.89	Diterima
2	Kebolehpercayaan Rasch untuk Konstruk Penilaian Terhadap Rangsangan Luar	0.96	Cemerlang
3	Kebolehpercayaan Rasch untuk Konstruk Rangsangan Dalam	0.94	Sangat Baik
4	Kebolehpercayaan Rasch untuk Ekspresi Muka	0.97	Cemerlang
5	Kebolehpercayaan Rasch untuk Kecenderungan Tindakan	0.97	Cemerlang
6	Kebolehpercayaan Rasch untuk keseluruhan Item	0.95	Cemerlang

Berdasarkan Jadual 1, indeks kebolehpercayaan soal kaji selidik adalah antara 0.94 hingga 0.97, manakala indeks kebolehpercayaan keseluruhan pula ialah 0.95. Dapatan ini menunjukkan soal kaji selidik ini boleh dipercayai dan mampu mengukur apa yang perlu diukur (Bond & Fox, 2001).

Analisis ukuran min setiap item telah digunakan bagi mengenal pasti tahap keresahan murid dan juga perbandingan ukuran min setiap item. Selain itu, ukuran min setiap soal selidik telah digunakan bagi menentukan kedudukan setiap indikator dalam hierarki Pendidikan Islam berdasarkan teori Emosi Empat faktor Parkison.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, ukuran min (0.03) menunjukkan sampel dalam kajian pengalaman keresahan murid mata pelajaran Pendidikan Islam adalah sederhana. Ukuran min dalam setiap indikator berada dalam taburan (-0.31 –0.3) (rujuk Jadual 2). Terdapat dua daripada tiga item berada dalam kedudukan paling rendah yang merupakan item dalam indikator penilaian terhadap rangsangan luar (item 8: *Saya berasa risau kerana ketinggalan dalam subjek Pendidikan Islam sekiranya saya tidak hadir ke sekolah (logit=-1.24)* dan item 2: *Saya berasa bimbang apabila memikirkan keputusan Pendidikan Islam yang baik menjadi kriteria dalam proses pemilihan ke SMKA/KAA/SMA (logit=-0.27)*). Sementara itu, item lain yang berada dalam kelompok terendah ialah item dalam indikator rangsangan dalam iaitu (item 10: *Jantung saya berdegup pantas apabila guru bertanyakan sejauhmana penguasaan saya dalam sesuatu topik Pendidikan Islam (logit=-0.82)*). Item-item bernilai negatif yang rendah ini menunjukkan bahawa item-item ini mudah dipersetujui oleh responden.

Di samping itu, terdapat tiga item dalam indikator kecenderungan tindakan berada dalam kedudukan tiga teratas iaitu (item 23: *Saya sering ponteng kelas pendidikan Islam. (logit=1.21)*; item 24: *Saya akan beralih ke kedudukan yang tersembunyi semasa kelas Pendidikan Islam (logit=1.11)* dan item 21: *Saya sering keluar ke tandas pada waktu kelas Pendidikan Islam bagi mengelakkan diri*

dari ditanya soalan (logit=0.96). Item-item bernilai positif dan tinggi ini menunjukkan bahawa item-item ini sukar dipersetujui oleh responden.


Jadual 2 Analisis Ukuran Item pada Indikator Keresahan Mata Pelajaran Pendidikan Islam

No.	Indikator	Item	Logit
1	Penilaian Terhadap Rangsangan Luar	Saya berasa risau apabila mempelajari pendidikan Islam yang melibatkan banyak tulisan jawi.	0.60
		Saya berasa bimbang apabila memikirkan keputusan pendidikan Islam yang baik menjadi kriteria dalam proses pemilihan ke SMKA/KAA/SMA.	-0.72
		Guru pendidikan Islam yang suka bertanyakan soalan kepada pelajar amat merisaukan saya.	-0.14
		Saya akan berasa cemas sebaik sahaja melihat bentuk soalan peperiksaan Pendidikan Islam yang ditanya berbeza dengan bentuk soalan yang biasa ditanya.	-0.09
		Pencapaian pendidikan Islam saya yang sederhana sebelum ini merisaukan saya untuk mempelajari subjek tersebut.	0.05
		Saya berasa risau apabila tidak mahir untuk mempelajari sesuatu pelajaran pendidikan Islam yang melibatkan hafalan.	-0.45
		Saya berasa bimbang melihat keadaan rakan-rakan yang cemas sebelum memasuki bilik/dewan ujian.	-0.50
		Saya berasa risau kerana ketinggalan dalam subjek pendidikan Islam sekiranya saya tidak hadir ke sekolah.	-1.24
		Ukuran Min Penilaian Terhadap Rangsangan Luar	-0.31
2	Rangsangan Dalam	Saya merasa sakit kepala untuk menjawab soalan Pendidikan Islam yang sukar.	-0.17
		Jantung saya berdegup kencang apabila guru bertanyakan sejauhmana penguasaan saya dalam sesuatu topik Pendidikan Islam.	-0.82
		Saya akan termenung sekiranya tidak dapat menjawab soalan ujian pendidikan Islam.	-0.62
		Tapak tangan saya berpeluh semasa menjawab soalan ujian pendidikan Islam.	0.31
		Tangan saya menggeletar sebelum menjawab soalan ujian pendidikan Islam.	0.73
		Ukuran Min Rangsangan Dalam	-0.11
3	Ekspresi Muka	Saya akan mengerut dahi apabila tidak dapat menjawab soalan pendidikan Islam yang ditanyakan guru.	-0.35
		Muka saya berasa panas apabila menduduki ujian pendidikan Islam.	0.75


		Muka saya mudah berpeluh sebelum bermulanya ujian pendidikan Islam.	0.83
		Saya akan mengetap bibir kerana bimbang saya tidak boleh memahami tajuk pendidikan Islam baru yang diajar guru.	-0.24
		Ukuran Min Ekspresi Muka	0.25
4	Kecenderungan Tindakan	Saya akan berdiam diri kerana takut ditanyakan soalan semasa kelas pendidikan Islam berlangsung.	-0.06
		Saya akan bermain dengan pen (objek lain) apabila tidak dapat menjawab sesuatu soalan pendidikan Islam semasa ujian.	-0.17
		Saya akan melihat rakan-rakan yang lain apabila saya tidak dapat menjawab soalan pendidikan Islam yang diberikan guru.	-0.55
		Saya sering keluar ke tandas pada waktu kelas pendidika Islam bagi mengelakkan diri dari ditanya soalan.	0.96
		Saya akan cuba menyiapkan ujian pendidikan Islam dengan cepat sebelum pelajar lain menyiapkannya.	-0.43
		Saya sering ponteng kelas pendidikan Islam.	1.21
		Saya akan beralih ke kedudukan yang tersembunyi semasa kelas pendidikan Islam.	1.11
		Ukuran Min Kecenderungan Tindakan	0.3
		Ukuran Min Keseluruhan	0.03

Berdasarkan ukuran min logit dalam setiap indikator, hierarki komponen untuk keresahan dalam pendidikan Islam ditunjukkan sepertimana dalam rajah 2. Komponen penilaian terhadap rangsangan luar berada dalam kedudukan tertinggi, manakala kecenderungan tindakan berada dalam kedudukan terendah.

Rajah 2 Hierarki Komponen Keresahan dalam Pendidikan Islam



Secara visualnya, kedudukan setiap item ditunjukkan dalam peta person-item (rujuk Rajah 3).



Rajah 3 Peta Person-Item

5.0 PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, ukuran min keresahan pendidikan Islam ialah 0.03 (hampir 0.00) yang menunjukkan tahap keresahan murid dalam mata pelajaran pendidikan Islam berada pada tahap sederhana dan murid dapat mengawal pelakuan keresahan pada tahap yang minimum. Namun, dapatan ini tidak menyangkal sama sekali bahawa murid juga pernah mengalami pengalaman keresahan semasa pembelajaran pendidikan Islam. Bagi menangani masalah ini, aspek guru dan murid dilihat boleh membantu mengurangkan keresahan tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan indikator penilaian terhadap rangsangan luar berada dalam logit - 0.31. Ini menunjukkan keresahan murid dalam mata pelajaran pendidikan Islam berpunca daripada penilaian negatif kepada faktor persekitaran seperti ketidakhadiran ke sekolah, tidak mahir menghafaz, guru suka bertanya, bimbang dengan keputusan peperiksaan dan sebagainya. Emosi murid tidak terlepas daripada memberikan andaian-andaian negatif. Pelbagai andaian negatif ini dibina hasil daripada pengalaman mereka, pemberitahuan daripada orang lain, tidak menguasai pembelajaran, tidak bersedia dan sebagainya. Selain itu, murid juga beranggapan bahawa guru pendidikan Islam kurang kemahiran berkomunikasi secara sihat dengan murid dan sering melabel murid yang melakukan kesalahan (Mohd Khairuddin Abdullah et al., 2014).

Bagi mengatasi permasalahan ini, guru perlu mengubah stigma negatif dengan membersihkan dan membina jiwa murid agar menjauhi keburukan dan memelihara tingkah laku sesuai dengan fitrah kejadian manusia (Al-Nahlawi, 1996) semasa proses pemindahan ilmu tersebut dijalankan. Justeru, guru perlu memiliki sifat keperibadian yang unggul, ketokohan yang disegani dan perwatakan yang sempurna untuk keberkesanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan tersebut (Abdullah Ishak, 1989). Sikap dan personaliti guru sering diperhatikan oleh murid sama ada sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, di dalam sekolah malah juga di luar kawasan sekolah. Perwatakan unggul boleh dipupuk melalui sifat-sifat spiritual seperti ikhlas, sabar, amanah, kebersihan pakaian, sopan ketika berbicara, penggunaan perkataan yang sesuai dan sebagainya. Sifat-sifat ini perlu dilakukan secara istiqamah dan dijadikan tabiat dalam kehidupan seharian untuk dicontohi dan dipandang tinggi oleh masyarakat.

Selain itu, kegagalan para guru dalam memahami kemampuan murid menyesuaikan strategi, teknik dan kaedah pembelajaran merupakan penyebab kepada murid merasa tidak seronok dan tertekan (Kamarul Azmi Jasmi & Noor Fadhlina Nawawi, 2012). Guru lebih suka menggunakan teknik pengajaran yang mudah seperti kuliah dan syarahan kerana tidak memerlukan persediaan yang banyak, perbelanjaan yang tidak besar dan belajar mengikut pengalaman silam sewaktu berada di sekolah dulu (Yusuf Hashim, 2001; Ab. Halim Tamuri et. al, 2004; Ab. Halim Tamuri et. al 2010). Murid berasa tertekan kerana tidak diberi peluang untuk berfikir serta mengalami pembelajaran berdasarkan zaman yang sedang dilaluinya.

Bagi mengatasi masalah ini guru perlu didedahkan dengan penggunaan bahan bantu mengajar yang berkualiti serta digunakan secara berkesan seperti penggunaan ICT, al-Quran, buku kerja tambahan, akhbar, kad imbasan, kad carta, kad manila dan sebagainya (Mohd Aliff Mohd Nawi et. al, 2011). Selain itu, teknik pengajaran dan pembelajaran iaitu pembelajaran mudah alih boleh diaplikasikan kerana majoriti ibu bapa rakyat Malaysia mempunyai kemampuan memiliki peralatan mudah alih berinternet yang mana ia boleh diaplikasikan dalam pembelajaran murid menerusi pengawasan ibu bapa. Bidang pendidikan Islam dilihat mempunyai potensi yang tinggi dalam mengaplikasikan teknik ini (Mohd Aliff Mohd Nawi et. al, 2011; Muhammad Ridhuan & Saedah Siraj, 2010).

Hasil kajian juga mendapati bahawa keresahan murid boleh dikesan melalui kedudukan fizikal dan perubahan air muka murid. Murid-murid yang tidak dapat menjawab soalan atau takut ditanya akan berusaha untuk mengelakkan diri daripada ditanya dengan mendiamkan diri, merendah diri, meniru kawan atau keluar ke tandas. Mereka tidak menonjolkan diri dan bersifat rendah diri (*low profile*) di dalam kelas berbanding kebiasaan. Di samping itu, pensil atau objek-objek lain dijadikan mainan dengan memusing-musinkannya dengan menggunakan jari mereka. Perbuatan ini dilakukan di atas meja secara konsisten dan berterusan semasa belajar atau ketika sedang menjawab soalan. Keadaan fizikal murid turut berubah dengan mengerutkan dahi, berasa panas, berpeluh, mneggeletar, jantung berdegup kencang dan sakit kepala.

Bagi mengatasi masalah ini, teknik merehatkan diri perlu dilakukan sendiri dengan bimbingan guru kerana ia boleh memberi kelegaan dan kerehatan kepada emosi (Pintrich dan Schunk, 1996). Pengetahuan teknik pernafasan boleh mengurangkan kadar degupan jantung ke tahap normal seperti menarik nafas dalam-dalam, menahan nafas dan menghembus secara perlahan-lahan serta mengulangi sebanyak 10 hingga 15 kali. Selain itu, urutan di tengah kening secara perlahan-lahan dengan menggunakan jari telunjuk juga boleh mengurangkan denyutan di bahagian kepala.

Hasil kajian ini telah mendapati indikator dimensi penilaian luaran lebih memainkan peranan dalam merangsang keresahan murid berbanding dimensi emosi. Kajian ini selari dengan kajian yang menunjukkan faktor persekitaran punca utama kepada keresahan (Boomsma; Bartels dan Hudziak, 2008).

6.0 KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat indikator dalam Teori Emosi Empat Faktor Parkinson yang digunakan bagi mengenal pasti pengalaman keresahan murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Indikator penilaian terhadap rangsangan luar merupakan indikator paling memberi kesan kepada tahap emosi murid. Walau bagaimanapun, indikator-indikator lain yang boleh memberi kesan terhadap pembentukan keresahan ialah rangsangan dalam, ekspresi muka dan kecenderungan tindakan.

Kajian ini menjadi panduan kepada guru dalam mengenalpasti perubahan fizikal dan tingkah laku murid yang boleh membentuk keresahan di dalam diri murid. Guru perlu mempunyai ilmu kemahiran psikologi yang mantap dalam memastikan murid-murid yang terdedah kepada keresahan berada dalam keadaan terkawal serta tidak mengganggu rakan-rakan lain semasa sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas.

Rujukan

- Abdul Rahman Muohamad | Iswa. (1970). *Dirasat Saikuljiyyah*. Iskandariah: Mansya'ah al-Nasyir al-Ma'arif.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman. Shahrin Awaluddin, Zamri Abd. Rahim, Khadijah Abd Razak. (2004). *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Murid*. Laporan Akhir Kajian, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ab. Halim Tamuri & Nik Rahimi Nik Yusoff. (2010). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. dalam *Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam* (pp. 19–37). Bangi: Penerbit UKM.
- Ab Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen asas untuk latihan guru pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(1), 5–15.
- Abdullah Ishak. (1989). *Sejarah perkembangan pelajaran dan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Malaysia.
- Al-Nahlawi Abdul Rahman. (1996). *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibiha: fi al-Bait wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The Exercise of control*. New York: W.H. Freeman.
- Bond T.G & Fox C. M (2001). *Applying The Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences* (2nd ed.). Mahwah, NJ: LEA.

- Boomsma D.I, Beijsterveldt C.E.M, Bartels M, Hudziak J.J (2008). Genetic and Environmental Influences on Anxious/Depression: A longitudinal study in 3 to 12 year old children. In J. J. Hudziak (Ed.), *Developmental Psychopathology and Wellness: Genetic and Environmental Influences* (Vol. 94, pp. 161–190). Virginia: American Psychiatric Publishing, Inc.
- Che Zarrina. (2001). Penyakit Gelisah (Anxiety / Al-Halu') Dalam Masyarakat Islam Dan Penyelesaiannya Menurut Psiko-Spiritual Islam. *Jurnal Usuluddin*, 14, 1–22.
- Connon, W. B. (1922). *Bodily Changes in Pain, Hunger, Fear and Rage*. New York: Appleton.
- Deckes, L. (2001). *Motivation: Biological, Psychological and Environment*. Boston: Ally & Bacon.
- Farj Abd al-Qadir Taha. (1993). *Mawsu'ah Ilm al-Nafs wa al-ahlil al-Nafsiyy*. Kaherah: Su'ad al-Sabah.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Hasan al-Ziyad, Hami Abdul Qadir, M. A. al-N. (1972). *al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Noor Fadhlina Nawawi. (2012). Model Guru Berkualiti dari Perspektif Tokoh Pendidikan Islam dan Barat. In *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam(SEAPPI2012)* (Vol. 51).
- Laird, J. D. (1974). Self-Attribution of Emotion: The Effects of Expressive ehavior on the Quality of Emotion Experience. *Journal of Personality and Social Psychology*, 29, 475–486.
- Lembaga Peperiksaan. (2012). Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). *Kementerian Pendidikan Malaysia*, 1–119.
- Ma'mum Mubayyad. (1995). *Al-Mursyid fi al-'Amrad al-Nafsiyyah wa Idtirabat al-Suluk*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Mohamad Khairi Othman, Asmawati Suhid. (2011). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Mumi : Satu Sorotan. *Journal of General Studies*, 11, 117–130.
- Mohd Daud Hamzah (1990). *Dorongan dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rustam Mohd Rameli. (2012). Development and Validation of Mathematics Anxiety Scale for Students in Malaysia Sample. In *The International Seminar on Science and Mathematics Education (ISSME 2012)*, Johor, Malaysia.
- Mohd Aliff Mohd Naw, Mohd Isa Hamzah, Zanizam Zaidi, S. A. A. S. & A. K. (2011). Impak Globalisasi terhadap Pendidikan Islam Masa Kini. *Implikasi Global Terhadap Pendidikan Islam Masa Kini*, (November), 25–26.
- Mohd Aliff Mohd Naw, Surina Akmal Ab Sattai & Mohd Isa Hamzah. (2011). M-Pembelajaran: Paradigma baru dalam Pembelajaran Tamadun Islam. In *2nd International Conference of ASEAN Studies in Islamic, World Civilization & Arabic Education*. Thailand: Chana Songkhla.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu, & Halimah Laji. (2014). Komunikasi guru dalam bilik darjah dan tingkah laku delinkuen murid sekolah menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 5, 59–77.

- Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah & Saedah Siraj. (2010). M-Learning Curriculum Design for Secondary School: A Needs Analysis. *World Academy of Science, Engineering and Technology.*, 66, 1638–1643.
- Muhd. Izzuddin Tawfiq (1998). *al-Ta'sil al-Islami li al-dirasat al-Nafsiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah.
- Parkinson, B., & Colman, A. M. (1995). *Emotion and Motivation*. New York: Logman.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1991). *Laporan Pelaksanaan Pelajaran Jawi KBSR*. Kuala Lumpur: Unit Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ruhi al-Baalbaki. (1997). *Al-Mawrid, Qamus Arabi - Inklizi*. Beirut: Dar al-ilm li al-Malayan.
- Pintrich P.R & Schunk D.H. (1996). *Motivation in Education: Theory, Reseach and Applications*. Englewod Cliffs: Prentice-Hall Inc.
- Shurok Kadiem & Mohd Daud Hamzah. (2004). The influence of sex, personality types and trait-anxiety on learning styles among university students in Jordan. *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, 19, 97–106.
- Shuhaimi Jaafar, Nur Suriana Awaludin, Nur Suhaily Bakar (2014). Motivational and Self-Regulated Learning Components of Classroom Academic Performance. In *E-proceeding of the Conference on Management and Muamalah* (pp. 128–135).
- Spielberger, C. (1972). Anxiety as an emotional state. In *Anxiety: Current trends in theory and research*. New York: Academic Press.
- Umi Kalthom Mahbi, & Ahmad Esa. (2014). Kaedah Pilihan Kelas Abad 21 : Sorotan Literatur. *International Seminar on Technical and Vocational Education, 2014*, 747–761.
- Wehr Hans. (1980). *Mu'jam al-Lughah al-Arabiah al-Mu'asirah (A Dictionary of Modern Written Arabic)* (Cet. ke-ii). Beirut: Maktabah Lubnan.
- Yosep Aspat Alamsyah, & Iain Raden Intan Lampung. (2015). Sikap Guru Kepada Murid. *Jurnal Terampil*, 4(1), 72–89.
- Yusuf Hashim. (2001). *Reka Benuk dan Sistem Instruksi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.

[A1][A2]